

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

SOALAN : 436

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengamalkan dasar membenarkan sistem Penerbangan Malaysia (MAS) juga melaksanakan operasi tambang murah seperti yang diberikan kepada AirAsia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara diberikan kebebasan untuk memilih model perniagaan sama ada menyediakan penerbangan perkhidmatan penuh (*Full Service Carrier - FSC*), perkhidmatan tambang murah (*Low Cost Carrier - LCC*) ataupun penerbangan berbentuk hibrid (*hybrid service*). Keputusan untuk menentukan model perniagaan adalah keputusan komersial syarikat penerbangan. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan bebas untuk menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Sehubungan itu, syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Malindo Air menyediakan perkhidmatan penerbangan FSC. Manakala AirAsia dan AirAsia X menyediakan perkhidmatan LCC. Kewujudan FSC dan LCC akan memperkukuh kesalinghubungan (*connectivity*) di samping memberi peluang kepada para penumpang untuk membuat pilihan yang sewajarnya.

Menurut MAB pihaknya memilih untuk menawarkan perkhidmatan FSC yang premium dan telah membuat pelaburan khusus dalam pembelian peralatan kabin, menu makanan, silibus latihan pekerja serta produk-produk yang bersesuaian untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan yang bertepatan dengan model perniagaan yang dipilih. Walaupun syarikat MAB memilih untuk menyediakan perkhidmatan premium, syarikat tersebut turut menawar

dan mempromosikan tambang murah dari masa ke semasa sebagai sebahagian daripada strategi perniagaannya.